

Peranan badan-badan dakwah kerajaan dalam penyebaran Islam di Sarawak

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauhmana peranan dan sumbangan badan-badan dakwah kerajaan terhadap masyarakat peribumi Sarawak termasuk masyarakat Orang Ulu di Sarawak. Dua metod utama digunakan dalam penyelidikan ini iaitu penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan. Sementara metode deduksi dan induksi digunakan khusus untuk menganalisis data. Penyelidikan ini mendapati pendekatan dakwah melalui pendidikan di Sarawak kepada masyarakat Orang Ulu telah dilakukan oleh Jabatan Agama Islam Sarawak Cawangan Kuching (JAIS), Jabatan Agama Islam Sarawak Bahagian Bintulu (JAIS),Majlis Islam Sarawak (MIS), Institut Kemahiran Islam Sarawak (IKMAS), Jabatan Kemajuan Islam Cawangan Sarawak (JAKIM), Pusat Penerangan Islam Sarawak (IIC)dan Bahagian Pendidikan Islam Dan Moral (BPIM) Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Bahagian Sarawak (Bintulu)

Katakunci: Peranan dakwah; Orang Ulu; Pendekatan; Pendidikan; Kerajaan dan institusi